

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

CSK302 - Sistem Maklumat Perdagangan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 dan TIGA soalan lain daripada soalan-soalan 2, 3 4 dan 5.

Semua soalan mestilah dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan keterangan ringkas tentang hubungan setiap sebutan berikut :

(i) MIS dan IRM

(ii) MIS dan ISP

(iii) MIS dan pemprosesan data

(iv) MIS dan DSS

(25/100)

(b) Nyatakan faktor-faktor utama yang harus diambil kira didalam menyediakan suatu perancangan menghadapi bencana.

(30/100)

(c) Apakah yang dimaksudkan dengan "kajian kemungkinan"? Terangkan dengan ringkas output-output yang dihasilkan oleh aktiviti ini.

(15/100)

...2/-

- (d) Bank Minden ingin membeli sebuah komputer baru yang akan digunakan untuk menyokong rangkaian perkhidmatan ATM (Mesin Juruwang Automatik). Anda telah dilantik oleh pihak pengurusan Bank Minden untuk menjalankan tugas ini. Terangkan bagaimana anda akan menjalankan tugas ini sehinggalah pesanan dibuat. Nyatakan faktor-faktor yang harus ditekankan didalam membuat pilihan.

(30/100)

2. (a) Terangkan secara ringkas tentang Grid Strategik sistem maklumat. Bincangkan tentang penggunaannya dan kelemahan teknik ini jika dibandingkan dengan teknik-teknik lain.

(30/100)

- (b) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengurus-pengurus Teknologi Maklumat didalam menguruskan fungsi ini pada hari ini?

(25/100)

- (c) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penempatan hardwer komputer samada dipusatkan atau dinyahpusatkan?

(15/100)

- (d) Apakah alatan-alatan yang digunakan oleh juruanalisis sistem semasa menjalankan aktiviti rekabentuk sistem?

(15/100)

- (e) Nyatakan secara ringkas aktiviti-aktiviti yang terlibat didalam pembangunan sistem berasaskan komputer.

(15/100)

3. (a) Apakah peranan yang perlu dimainkan oleh pihak pengurus atasan didalam Pengurusan Teknologi Maklumat di organisasi beliau? Terangkan tentang langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk mendapatkan komitmen golongan ini.

(30/100)

...3/-

- (b) Perancangan jangka panjang untuk Jabatan MIS tidak perlu dijalankan kerana teknologi maklumat berkembang terlalu pesatnya. Bincangkan.

(25/100)

- (c) Apakah output yang dihasilkan daripada suatu kajian ISP? Terangkan setiap output yang dihasilkan dengan ringkas.

(25/100)

- (d) Apakah kesan perkembangan bidang MIS terhadap dunia perniagaan pada zaman ini?

(20/100)

4. (a) Kos hardwer komputer telah turun dengan kadar yang banyak, tetapi kenapa kos perbelanjaan komputer di organisasi-organisasi semakin meningkat. Dimanakah silapnya dan terangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

(25/100)

- (b) Nyatakan perbezaan-perbezaan diantara "pendekatan sistem" dengan "pendekatan klasikal" didalam fungsi pengurusan sesebuah organisasi.

(25/100)

- (c) Senaraikan subsistem-subsistem utama yang terdapat di dalam sebuah Sistem Maklumat Pemasaran ATAU Sistem Maklumat Perakaunan dan terangkan dengan ringkas fungsi setiap subsistem ini.

(35/100)

- (d) Kenapakah kepakaran berkomunikasi adalah sangat mustahak bagi jawatan juruanalisis sistem?

(15/100)

...4/-

5. (a) Berikan satu penerangan tentang virus komputer iaitu dari segi takrifannya, implikasinya terhadap sistem komputer serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil untuk menyekat serangan virus ini keatas sistem-sistem komputer.

(30/100)

- (b) Kenapakah organisasi-organisasi pada hari ini perlu mengamalkan konsep IRM?

(20/100)

- (c) Siapakah kumpulan-kumpulan orang yang menyediakan input kepada proses rekabentuk sistem?

(10/100)

- (d) Apakah yang harus dilakukan untuk mengelakkan daripada wujudnya "pulau-pulau automasi" didalam sesebuah organisasi.

(20/100)

- (e) Terdapat sistem-sistem maklumat yang dibangunkan tidak digunakan oleh pengurus-pengurus fungsi. Kenapa? Terangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

(20/100)

- oooOooo -